



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# Borneo Akademika

Borneo Akademika



# **BORNEO AKADEMIKA**

## **UiTM CAWANGAN SABAH**

**Copyright © 2016 Biannual publication of Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah  
Publisher (ISSN: 2462-1641)**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, through photocopying, recording or otherwise, without prior permission in writing from the publisher.

**Disclaimer:** The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, reviewers, faculties or the university

## **EDITORIAL BOARD**

*Editor-in-Chief*

Datuk Dr. Hj. Abdul Kadir Hj. Rosline

*Deputy Editor-in-Chief I*

Dr. Rozita@Uji Mohammed

*Deputy Editor-in-Chief II*

Assoc. Prof. Jasman Hj. Jaafar

*Managing Editor*

Assoc. Prof. Dr. Hj. Zamali Hj. Tarmudi

*Editorial Members*

Dr. Hjh. Suhaileah Hj. Abdul Muin

Dr. May Siaw-Mei Liu

Dr. Hajion Gunggut

Dr. Dewi Tajuddin

Dr. Hendry Joseph

*Secretary*

Hasmiah Bahari

*Invited/Field Editors*

Assoc. Prof. Datuk Dr. Worran Hj Kabul

Assoc. Prof. Dr. Suwaid Tapah

Dr. Rozita@Uji Mohammed

Assoc. Prof. Dr. Hj. Zamali Hj. Tarmudi

Ag Bakar Ag Tatam

Dr. Dewi Tajuddin

Dr. Hendry Joseph

Dr. Rashidah Omar

Dr. Hajion Gunggut

Siti Sarayati Abd Mawah

Sheik Badrul Hisham Jamil Azhar

Sheikh Junaidi Sh Mohammad

Kamarulzaman Ishak

## Preface

*In the name of ALLAH, Most Gracious, Most Merciful and Muhammad S.A.W., the last prophet.*

First and foremost I would like to congratulate the editorial board and authors of the *Borneo Akademika* journal on their success in producing this journal. This achievement is actually the result of their tireless effort in contributing thoughts and ideas to produce papers on current issues and challenges in multi-disciplinary research. To the best of my knowledge, efforts to produce a home-grown UiTM Sabah journal actually started ten years ago, and today we see the fruits of our labour and patience. This shows us that total commitment from the academic community is required in the journey towards academic publication so that joint research efforts can be enhanced.

This journal consists of twelve peer-reviewed articles based on current research topics of interest. Each topic is unique by way of its research methodology and findings in various related fields. The papers in this journal are useful to fellow researchers who share a similar interest in the field or those who are directly involved in exploring multi-disciplinary research. We hope that this publication can be a reference for academicians and students alike, particularly those in UiTM as well as the general public.

Finally, I would like to take this opportunity to acknowledge the dedication of our editorial board and invited/field editors who have in one way or another contributed to the successful publication of this journal. My gratitude goes out to all the authors who contributed articles to this publication because this journal would not have become a reality without them.

Thank you.

Datuk Dr. Hj. Abdul Kadir Hj. Rosline  
Chief Editor

## **Prakata**

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Salam dan Selawat ke atas Jurjungan Besar Nabi Muhammad SAW rasul akhir zaman.*

Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada sidang penyunting dan penulis artikel jurnal Borneo Akademika yang menyumbang tenaga dan idea dalam isu dan cabaran terkini kajian pelbagai-bidang. Penerbitan jurnal ini adalah keseimbangan usaha lampau yang kurang aktif semenjak hampir sepuluh tahun lalu. Jurnal ini menggambarkan keperluan komitmen yang jitu daripada warga akademia bagi meggembang kesignifikanan usaha-usaha dalam penyelidikan.

Jurnal ini mengandungi dua belas artikel yang dinilai oleh penilai jemputan/bidang berasaskan kajian semasa. Setiap tajuk yang dibincang mempunyai keunikan tersendiri yang metodologi dan dapatannya dikupas berdasarkan bidang kajian yang dibuat. Usaha ini amat memberi manfaat kepada penyelidik-penyalidik terutamanya mereka yang terlibat secara langsung dalam kajian terkini pelbagai-bidang. Tambahan pula, kami berharap agar penerbitan ini akan menjadi sumber rujukan kepada ahli akademik dan pelajar terutamanya di UiTM dan juga kepada orang awam lain.

Akhirnya, kami ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli sidang penyunting dan penyunting jemputan atas sumbangan yang merupakan satu lagi cara menyumbang kepada kejayaan penerbitan jurnal ini. Terima kasih khas ditujukan kepada semua penulis yang menyumbang artikel untuk tujuan penerbitan ini kerana tanpa sumbangan mereka penerbitan ini tidak mungkin dapat dijayakan.

Terima kasih.

Datuk Dr. Hj. Abdul Kadir Hj Rosline  
Ketua Penyunting

**Content**

<b>HUMAN CAPITAL AND ORGANISATIONAL EFFECTIVENESS: AN ANALYSIS INTO TECHNOLOGY-BASED COMPANIES</b> <i>Hapsah S. Mohammad</i>	1 - 5
<b>THE ABUNDANCE OF NEMATODE IN CABBAGES GROWN IN CONVENTIONAL AND ORGANIC FARMING SYSTEMS</b> <i>Hendry Joseph &amp; Sharmiza Sinin</i>	6 - 12
<b>CELEBRITY ENDORSEMENTS IN NON-PROFIT SETTINGS: A LITERATURE REVIEW</b> <i>Sharifah Nurafizah Syed Annuar &amp; Stephen Laison Sondoh Jr</i>	13 - 22
<b>STUDENTS' EXPERIENCES IN VIDEO-RECORDING THEIR REAL-LIFE CONVERSATIONS</b> <i>Jenny @ Janey Mosikon, Delia L. Olaybal &amp; Bernadette Peter Lidadun</i>	23 - 29
<b>PEMULIHARAAN PENDIDIKAN ROHANIYYAH MELALUI PENGAJIAN ISLAM</b> <i>Suhailah Abd. Muin &amp; Saharia Ismail</i>	30 - 40
<b>A REVIEW ON THE ENTREPRENEURIAL ORIENTATION CONSTRUCT IN ENTREPRENEURSHIP RESEARCH</b> <i>Sylvia Nabila Azwa Ambad &amp; Kalsom Abdul Wahab</i>	41 - 51
<b>MEDICINAL PLANTS USED BY THE BRUNEI COMMUNITY IN KAMPUNG BENONI, PAPAR SABAH</b> <i>Abdul Manap Mahmud &amp; Rapida Razali</i>	52 - 61
<b>PENGECAMAN LENGKOK FERTILITI EKSTRIM DI SEMENANJUNG MALAYSIA DENGAN PENDEKATAN ANALISIS PLOT KOTAK FUNGSIAN</b> <i>Hazlenah Hanafiah, Adelina Ebun &amp; Hasnawati Guliling</i>	62 - 69
<b>DESTINATION IMAGE AS A DETERMINANT OF TOURIST SATISFACTION AND LOYALTY</b> <i>Hasnawati Guliling, Yuhannis Abdul Aziz &amp; Jamil Bojei</i>	70 - 78
<b>FACTORS AFFECTING THE IMPLEMENTATION OF GREEN PRACTICES AMONG TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY HERBAL-BASED ENTREPRENEUR IN MALAYSIA</b> <i>Viduriati Sumin, Golnaz Rezai &amp; Zainalabidin Mohamed</i>	79 - 87
<b>DEVELOPMENT OF LECTURERS' PUBLICATION SCORE ALGORITHM</b> <i>Zamali Tarmudi &amp; Haijon Gunggut</i>	88 - 95

**INITIATIVES PROPOSED IN CONJUNCTION WITH THE  
PREPARATION OF THE 11<sup>TH</sup> MALAYSIA PLAN: 96-107  
STRENGTHENING ENTREPRENEURIAL TRAINING**

*Rozita @ Uji Mohammed*

## PEMULIHARAAN PENDIDIKAN ROHANIYYAH MELALUI PENGAJIAN ISLAM

SUHAILAH HJ. ABD. MUIN<sup>1</sup> & SAHARIA HJ. ISMAIL<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah, Locked Bag No. 71, 88997 Kota Kinabalu Sabah, MALAYSIA*  
*e-mail: suhailah348@uitm.sabah.edu.my*

<sup>2</sup>*Akademi Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Melaka, KM45, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka,  
MALAYSIA*  
*e-mail: saharia@kuim.edu.my*

### ABSTRAK

Pengajian Islam merupakan salah satu kursus mata pelajaran wajib (MPW1143) selain Pengajian Malaysia (MPW1133) bagi pelajar-pelajar yang menuntut di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) berdasarkan kepada Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Namun pada 6 April 2012, Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan bahanawa penawaran dan pelaksanaan Kursus Pengajian Umum diselaraskan kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam negara termasuk swasta, awam dan Politeknik. Pelarasian ini memansuhkan mata pelajaran Pengajian Islam (MPW1143) dan menggantikannya dengan Mata Pelajaran Umum (MPU) yang hanya menumpu kepada ilmu fardu kifayah berbanding fardu ain. Perubahan dasar ini adalah merujuk kepada agenda Kementerian Pendidikan Malaysia dari aspek Pembangunan Holistik Pelajar di institusi pendidikan tinggi bagi melahirkan graduan IPT yang seimbang dari segi ilmu, keterampilan, moral dan nilai murni, patriotik dan berdisiplin ke arah pembentukan modal insan negara yang lebih holistik serta berpersonaliti unggul. Permasalahannya, dalam Islam ada dua konsep ilmu iaitu ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah. Justeru, perubahan dasar tersebut hanya lebih menjurus kepada penekanan ilmu fardu kifayah iaitu perkara yang wajib dilaksanakan oleh sebahagian masyarakat untuk memenuhi keperluan hidup yang hanya menumpu kepada kemajuan, kekupertiman dan kemahiran insaniah. Inilah antara dasar ilmu yang cuba hendak diterapkan dalam bidang Pengajian Umum (MPU). Manakala dalam Pengajian Islam (MPW1143) menggabung jalin dua konsep ilmu tersebut secara serentak.

*Kata kunci:* Mata Pelajaran Umum (MPU); Mata Pelajaran Wajib (MPW); Pengajian Islam (MPW1143) dan Pengajian Malaysia (MPW1133); falsafah pendidikan Islam

### ABSTRACT

Islamic Studies is a compulsory course (*Mata Pelajaran Wajib*, MPW1143) other than Malaysian Studies (*Mata Pelajaran Wajib*, MPW1133) for students studying in Private Higher Education Institutions (HEIs) in Malaysia based on the Private Higher Education Institutions Act 1996 (Act 555). However, on 6 April 2012, the Malaysian Cabinet decided to standardise the implementation of General Studies courses in all Higher Education Institutions (HEIs) in the country, including private, public and polytechnic institutions. As a result, Islamic Studies (MPW1143) was replaced with subjects under General Studies (*Mata Pelajaran Umum*, MPU) which focus on basic science rather than basic Islam. This policy change is a reflection of the agenda of the Ministry of Education to encourage holistic student development in HEIs to produce graduates who are balanced in terms of knowledge, skills, moral values, patriotism, and discipline towards the formation of human capital and the

individual's personality. The problem with this is that in Islam, there are two concepts of the sciences, which are basic Islam and obligatory basic science. The policy change by the Malaysian Cabinet had shifted the focus to obligatory basic science, which emphasises the actions that must be carried out by individuals to meet the basic necessities of life just to progress, to hone their expertise and to develop soft skills. These are some of the basic science fundamentals that are applied in the field of General Studies (MPU), while in Islamic Studies (MPW1143), both basic Islam and obligatory basic science concepts are emphasised.

**Keywords:** General Subjects (MPU), Compulsory Subjects (MPW), Islamic Studies (MPW1143), Malaysian Studies (MPW1133), Philosophy of Islamic Education

## **1.0 Pengenalan**

Strategi pendidikan modal insan atau rohaniah dalam konteks memperkasa pengajian Islam dalam semua peringkat pengajian, baik di peringkat pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah sehingga ke peringkat pengajian tinggi (IPT) adalah kewajipan bersama setiap lapisan masyarakat untuk terus mengangkat wacana pemuliharaan serta pemerkasaan pengajian Islam di semua peringkat pengajian. Ini amat penting kepada pembentukan dan kemajuan yang seimbang dalam sebuah negara yang majoritinya didiami oleh umat Islam.

Peranan Pendidikan Islam dalam membentuk personaliti manusia merangkumi aspek emosi, intelek, rohani dan jasmani dan ia juga seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara. Walaupun sudah sekian lama Pendidikan Islam dilaksanakan dalam sistem pendidikan di Malaysia, namun pada hari ini, seolah-olah Pendidikan Islam itu mahu dihapuskan sedikit demi sedikit dan digantikan dengan ilmu-ilmu semasa yang lebih bersifat mementingkan kewujudan tenaga mahir dan kapakaran dalam pelbagai bidang. Ini dapat dilihat apabila mata pelajaran Pengajian Islam (MPW1143) di institusi pendidikan tinggi (IPT) dihapuskan dan digantikan dengan empat mata pelajaran lain dan hanya satu daripada empat subjek tersebut yang menyentuh tentang "Islam" iaitu Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Penambahannya tersebut tidak melibatkan Pengajian Malaysia (MPW1133) yang juga mata pelajaran teras seperti Pengajian Islam (MPW1143). Dari sudut pengamatan dan pengamalan jelas dapat dilihat bahawa Pendidikan Islam lebih mampu membentuk dan membangunkan modal insan dengan sempurna dari aspek intelektual, fizikal, rohani dan jasmani serta sosial, seimbang (*wasatiyyah*) antara kepentingan duniaawi dan ukhrawi. Dengan sebab itu, isu pemerkasaan pengajian Islam di semua peringkat pembelajaran haruslah dibina dan dipertahankan keunggulannya sebagai peraturan terlengkap dari Maha Pencipta segala makhluk di langit dan di bumi berserta seisi alam sewajarnya menjadi panduan ilmu dan amalan dalam hidup. Pemerkasaan hukum-hukum Allah SWT dalam menangani masalah jenayah, gejala sosial serta krisis moral dan akhlak seperti terlibat dalam bohossia, pembuangan bayi dan pemerdagangan manusia insya-Allah akan dapat dirungkai bersama.

Jelas bahawa pembentukan sebuah masyarakat amat bergantung kepada sikap dan identiti yang ditonjolkan oleh individu yang berada dalam masyarakat tersebut. Sikap dan identiti yang berdasarkan kepada didikan dan tarbiyah Islamiyah akan melahirkan sebuah masyarakat yang mempunyai sikap dan pandangan berwawasan. Ini adalah kerana pendidikan Islam menganjurkan agar setiap individu menanamkan perasaan kasih dan sayang sesama manusia serta mengutamakan maslahah umum daripada maslahah diri sendiri demi mencapai kebaikan bersama.

Berdasarkan objektif perundangan Islam, sesuatu perkara yang mendatangkan maslahah sama ada pada agama, nyawa, keturunan dan maruah, akal dan harta amat dititikberatkan. Dalam masa yang sama, dalam objektif perundangan Islam juga menghindari atau menjauhi perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemudarat pada ke lima-lima maslahah yang

telah dinyatakan. Sehubungan dengan itu, bagi memelihara maslahah dan menghindari mudarat serta keburukan pada maslahah, salah satu usahanya ialah dengan cara didedahkan melalui pengajaran dan pendidikan Islam yang dimasukkan sebagai salah satu mata pelajaran utama di setiap sekolah rendah dan menengah.

Matlamat Pendidikan Islam (yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah) untuk membentuk dan memperkembangkan insan supaya menjadi Muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berperibadi mulia ke arah melengkapkan diri serta bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa. Pendidikan Islam yang memberi penekanan kepada pembinaan kemahiran, pemikiran (*aqli*), jasmani, rohani dan emosi akan melahirkan insan yang berkertampilan (kamil) dan menghayati serta mengamalkan tuntutan dan cara hidup Islam dengan sempurna, berterusan dan ikhlas. Dengan Pendidikan Islam seperti ini, maka akan lahirlah insan yang mempunyai pemikiran dan pandangan yang merujuk kepada tasawwuf Islam. Akan lahirlah juga insan yang membangunkan masyarakat dengan nilai-nilai murni berteraskan akidah, syariah serta akhlak keislaman yang mantap mampu melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT yang mengurus dan memakmurkan alam.

Berdasarkan kepada apa yang digubal dalam Falsafah Pendidikan Islam, dilihat mampu memelihara maslahah ummah dari setiap aspek kehidupan. Ini adalah kerana pendidikan Islam di Malaysia telah dimulakan sewal peringkat pra-persekolahan diikuti peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya di peringkat institusi pendidikan tinggi. Manakala, kandungan dan intipati Falsafah Pendidikan Islam lebih menjurus ke arah melahirkan insan yang boleh menyimbang keperluan dunia dan ukhrawi seterusnya merealisasikan maslahah umat dalam membangunkan masyarakat bertamadun dan bermoral tinggi.

## 2.0 Intipati Falsafah Pendidikan Islam (FPI)

Ghazali Darusalam (2004), menyatakan bahawa Falsafah Pendidikan Islam seperti yang termaktub menurut Kementerian Pendidikan ialah :

*Pendidikan adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat.*

Dari segi falsafah, maksud pendidikan ialah satu proses mengislamisasikan manusia, iaitu proses memupuk dan meningkatkan kesedaran dalam diri manusia tentang fizikal dan metafizikal (Tuhan, manusia dan alam). Maknanya, untuk mencapai maksud falsafah pendidikan, seluruh aspek dari segi rohani, intelek, dan jasmani harus dikembangkan dengan secara menyeluruh dan seimbang sehingga ke tahap kecemerlangan (Ghazali Darusalam, 2004). Merujuk kepada perbincangan di dalam kertas kerja ini, dapatlah dirumuskan bahawa intipati Falsafah Pendidikan Islam terdiri daripada unsur-unsur berikut:

### 2.1 Pendidikan bersumberkan wahyu (berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah)

Islam merupakan satu agama yang lengkap bagi mengatur kehidupan umatnya sebagai umat yang mempunyai risalah dan tanggungjawab yang ditentukan oleh Allah SWT. Oleh itu, sistem pendidikan dalam Islam adalah berdasarkan peraturan Islam. Pendidikan Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah menjadikan umatnya dalam kalangan orang-orang yang berjaya di dunia dan akhirat. Undang-undang yang terdapat dalam al-Quran dan al-

Sunnah telah mendidik manusia agar melakukan kebaikan dan menolak sebarang kemungkaran dan kemudaratan.

Maka dengan sebab itu, menurut Ahmad Mohd Salleh (2008) Islam meletakkan elemen pendidikan di kedudukan yang paling penting. Kedudukannya yang penting itu dapat digambarkan daripada penurunan ayat pertama al-Quran (al-'Alaq 1-5) yang menyentuh tentang membaca. Menurut Mahyuddin Hj. Yahaya (2001), membaca dapat menghubungkan budaya berfikir melalui pencarian ilmu, pemerhatian dan sebagainya.

Penurunan al-Quran ke atas Nabi Muhammad SAW merupakan satu rahmat bagi umat manusia. Isi kandungannya meliputi semua aspek kehidupan sama ada menyentuh aspek akidah, syariah dan akhlak. Allah SWT menetapkan hukum-hukum tersebut untuk dijadikan panduan hidup manusia agar kehidupan mereka di atas muka bumi ini dibatasi dengan amalan-amalan yang dibenarkan oleh syarak sahaja.

Al-Sunnah pula merupakan segala tingkah laku, kata-kata dan pengakuan yang lahir daripada Rasulullah SAW. Di dalam perundangan Islam, ia merupakan sumber kedua selepas al-Quran. Begitu juga dalam pendidikan, di mana Rasulullah SAW merupakan contoh tauladan dalam mendidik umatnya. Banyak hadis yang menunjukkan bahawa Rasulullah SAW sebagai pendidik unggul. Allah SWT menurunkan al-Quran kepada baginda Rasulullah SAW beserta dengan adabnya (Muhamad Jamaludin, 2006). Firman Allah SWT dalam surah al-Qalam 68:4 iaitu:

عَظِيمٌ خَلْقُ رَبِّ الْأَنْوَارِ وَ

“Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia”.  
(H.Mahmud unus, 1981:509)

Rasulullah SAW adalah manusia utama dan tujuan awal yang diberi pengajaran dan pendidikan dari Allah SWT. Baginda dididik dengan al-Quran dan itulah yang digunakan sebagai pedoman untuk mendidik umatnya. Oleh sebab itu Rasulullah SAW bersabda:

الْأَخْلَاقُ مَكَارِمُ الْأَنْوَارِ مِنْهُ شَتَّى

“Aku diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak.”  
(Diriwayatkan oleh Ahmad, Hakim dan Baihaqi)

Pendidikan asas Rasulullah SAW ialah dari sudut mendidik manusia melakukan ibadat-ibadat khusus yang terdiri daripada fardhu ain dan fardu kifayah. Penekanan Rasulullah SAW di dalam pendidikan merangkumi tiga aspek penting iaitu pendidikan perasaan (afektif), penggerak kejiwaan (psikomotor), pendidikan akal (kognitif) dan kemahiran.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pendidikan Islam yang berasaskan kepada didikan daripada al-Quran dan al-Sunnah adalah asas bagi melahirkan individu mahir dalam sesebuah masyarakat sama ada mahir dalam bidang yang bertentuk duniaawi maupun ukhrawi. Keadaan masyarakat seperti ini adalah hasil daripada pemahaman mereka terhadap tuntutan maslahah yang patut dipelihara dan kefahaman ini diperolehi melalui sistem pendidikan Islam yang didedahkan dari semasa ke semasa.

## 2.2 Pembelajaran sepanjang hayat (Pendidikan adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam)

Menuntut ilmu adalah keperluan asas *dhoruriyat (daruriyyah)* yang wajib bagi mana-mana bangsa di dunia ini tanpa mengira agama. Di dalam agama Islam, terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang menyeru umat manusia supaya menuntut ilmu sejak

dari dalam buaian hingga ke liang lahad. Ia membawa maksud bahawa proses pembelajaran untuk menuntut ilmu tidak boleh terhenti sebaliknya harus berterusan hingga ke akhir hayat. Pendidikan sepanjang hayat merupakan pelaksanaan pelbagai aktiviti pembelajaran yang boleh diikuti sepanjang hayat dengan tujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keterampilan individu dan seterusnya menyumbang kepada masyarakat dan alam pekerjaan. Semua agama dan budaya menggalakkan pendidikan sepanjang hayat.

Pendidikan yang berterusan adalah pendidikan yang tidak berakhir pada suatu tempoh masa tertentu dan tidak pula pada peringkat pengajian tertentu. Akan tetapi ia berterusan sepanjang hayat tanpa batasan. Pendidikan yang bermula sejak dari dalam buaian hingga ke liang lahad. Pendidikan yang sentiasa berkembang mengikut perkembangan peribadi seseorang (Abdul Rashid Ahmad, 1996).

Menurut Hazri Jamil et.al., (2004) pendidikan berterusan sudah lama wujud dalam Islam. Semenjak turunnya surah *al-'Alaq* telah membuktikan konsep pembelajaran sepanjang hayat. Ketika wahyu pertama ini diturunkan, baginda diangkat menjadi Rasul pada usia 40 tahun. Seruan untuk belajar dan menuntut ilmu tidak terletak pada faktor usia. Sebaliknya ia merupakan suatu hikmah betapa pembelajaran merupakan proses sepanjang hayat. Justeru, Islam telah meletakkan asas kepada proses penerimaan dan pencarian ilmu melangkaui batasan usia dan masa.

Menurut Ahmad Mohd Salleh (2008) pula yang dimaksudkan dengan pendidikan sepanjang hayat adalah usaha mengembangkan potensi (fitrah) individu tidak terbatas semasa berada di bilik darjah sahaja, tetapi ia juga berlaku di luar bilik darjah, di rumah dan di dalam masyarakat. Pendidikan Islam yang menyokong cita-cita pembangunan insan yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berakhlik mulia, memerlukan kurikulum pendidikan yang mengimbangi antara ilmu, keimanan dan kemahiran. Akhirnya, seseorang individu mampu menghayati Islam dalam semua aspek kehidupannya.

Kesimpulannya, penulis dapat merumuskan bahawa pembentukan sebuah masyarakat berilmu memerlukan kepada penggembangan semua pihak dalam pelbagai situasi bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Ini adalah kerana setiap manusia dilahirkan dengan mempunyai kelebihan yang berbeza. Tidak semuanya mempunyai ilmu dan kemahiran yang sama. Mungkin seseorang individu mempunyai pelbagai kemahiran tetapi dari segi keintelektualannya lemah. Dan, ada pula hanya lebih kepada pemikiran yang profesional tetapi kurang dari segi kemahiran.

Di dalam konsep pendidikan berterusan, tidak terdapat batasan umur dan sekatan ilmu seseorang terhadap sesuatu bidang. Oleh itu, maslahah ummah dapat dicapai melalui pembelajaran berterusan. Ini kerana manusia akan sentiasa berfikir, meneliti dan mengkaji sesuatu perkara demi membangunkan diri dan masyarakat. Konsep pembelajaran sepanjang hayat ini akan merealisasikan maslahah manusia dari aspek kesejahteraan akal fikiran agar tidak dikongkong dan dibelenggu oleh pemikiran orang lain.

### **2.3 Pembangunan sumber manusia (membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah)**

Pendidikan Islam juga bertujuan untuk membangunkan sumber manusia iaitu dari aspek rohani dan jasmani. Dengan membangunkan sumber asas manusia seperti penerapan nilai-nilai murni dan penyampaian ilmu-ilmu kemahiran akan menghasilkan akhlak dan kemahiran insaniah dalam diri individu. Ungkapan ini memberi maksud tentang konsep bersepadan dalam pendidikan Islam. Menurut Haron dan Sobri (1987), Mohd Kamal (1988) dan Abd. Halim (1991) pendidikan bersepadan adalah satu bentuk pendidikan yang sangat unik kerana elemen-

elemen yang terkandung di dalamnya dapat memenuhi kehendak roh iaitu santapan rohani dan kehendak jasmani iaitu kesihatan yang sihat dan mental yang cergas.

Konsep kesepaduan juga boleh dilihat menerusi pemahaman daripada prinsip pendidikan Islam iaitu dengan adanya penggabungan antara penguasaan asas dalam pembelajaran (membaca, mendengar, menulis), pembersihan jiwa dan hati, ilmu fardu ain (akidah, syariat, akhlak) dan ilmu fardu kifayah (ilmu yang bertanggungjawab menyempurnakan keperluan umat Islam). Tajul Arifin (1993) memberikan maksud pendidikan bersepadan sebagai "*pendidikan yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah di samping adanya integrasi dengan ilmu-ilmu akal berteraskan akidah ke arah pembangunan ummah*". Imam al-Ghazali pula meneckankan pengisian akal dalam pendidikan bersepadan kerana dengan akal manusia mampu menggunakan daya berfikir, daya kreatif dan daya usaha untuk menerokai alam (Tajul Arifin , 1993).

Kesimpulannya, dengan pendidikan bersepadan akan melahirkan insan yang berakhlik dan berkemahiran dalam menguruskan kehidupan. Konsep bersepadan yang diterapkan dalam Pendidikan Islam dapat mengukuhkan penghayatan pelajar terhadap Islam sebagai "way of life". Pendidikan bersepadan ini juga akan melahirkan manusia yang bukan hanya tertumpu kepada satu-satu bidang malah hasil daripada gabungan ilmu dan kemahiran akan dapat menstabilkan segala keperluan yang dikehendaki dalam memenuhi tuntutan kehidupan. Oleh itu, tidak akan muncul perkara-perkara yang bertentangan dengan maslahah masyarakat umum seperti pembinaan bangunan yang benar-benar selamat, penciptaan teknologi yang benar-benar memberi manfaat dan sebagainya kerana terhasil daripada gabungan ilmu, kemahiran dan sikap yang positif.

#### **2.4 Pembangunan manusia (*tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara*)**

Islam tidak menolak sebarang bentuk kemodenan, asalkan ianya tidak lari dari batas-batas syarak. Berdasarkan kandungan Falsafah Pendidikan Islam, kesepaduan ilmu yang diperolehi oleh seseorang akan membantunya membangunkan diri, masyarakat dan kemajuan negara. Dengan kemantapan akhlak dan pelbagai kemahiran hidup akan membimbing individu menempuh kehidupan dengan penuh keimanan.

Sesungguhnya tujuan akhir pendidikan dalam Islam adalah sama dengan tujuan hidup yang telah ditentukan oleh Allah SWT untuk individu, keluarga dan masyarakat, iaitu pengabdian kepada-Nya. Dalam erti kata lain, menurut Mohd. Kamal (1988), tujuan akhir pendidikan Islam ialah terbentuknya keperibadian Muslim dari tahap perseorangan sampai tahap ummah.

Sehubungan dengan ini, melalui proses pendidikan Islam akan dapat melahirkan manusia yang mempunyai rasa tanggungjawab terhadap diri sendiri, masyarakat, alam sekitar serta negara. Menerusi pendidikan Islam, seseorang itu akan merasai tanggungjawab iaitu keperluan untuk menjaga akal fikiran daripada sebarang kerosakan. Oleh yang demikian dia akan belajar bersungguh-sungguh demi mencapai kejayaan dan dengan kejayaannya itu akan mendorongnya membangunkan masyarakat, alam sekitar dan negara berdasarkan kepada ilmu-ilmu pengajian Islam yang dipelajari. Bermula dengan kemaslahatan akal yang sihat akan terpeliharalah agama, nyawa, keturunan, maruah serta hartanya.

## 2.5 Konsep "khalifah-tullah fil ardh" (mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat.)

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 30 yang berbunyi :

خَلِقْتُكُمْ مِّنْ أَرْضٍ  
وَإِذْ قَالَ رَبُّكُمْ لِلْمَلَائِكَةِ اعْمَلُوا فِي الْأَرْضِ

" Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: " Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi".

(H.Mahmud Junus, 1981:6)

Berdasarkan ayat di atas, dapat dijelaskan peranan manusia di atas muka bumi ini iaitu sebagai hamba kepada Allah SWT dan sebagai pemimpin alam. Pendidikan Islam berdasarkan ibadat kerana ia merupakan tujuan dalam hidup ini (Ahmad Mohd Salleh, 2008). Manakala, peranannya sebagai pemimpin alam yang berdasarkan kepada pendidikan Islam akan membawa kepada kebahagiaan di dunia.

Bagi memenuhi maksud peranan sebagai hamba, pendidikan rohani perlu diseimbangkan dalam diri individu. Bahkan dengan kesepadan dan keseimbangan antara keperluan rohani dan jasmani akan mencapai hasrat FPI iaitu kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat. Maka, apa yang dapat difahami adalah kesepadan dan keseimbangan inilah yang hendak dicapai dalam Maqasid Syariah agar dapat menjaga maslahah masyarakat umum dan dalam masa yang sama menolak perkara yang boleh mendatangkan keburukan.

## 3.0 Latar Belakang Pendidikan Islam di Malaysia

Pelaksanaan Pendidikan Islam di dalam sistem Pendidikan Kebangsaan adalah berdasarkan perakuan-perakuan yang terkandung di dalam Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960 dan dalam Akta Pelajaran 1961. Perakuan-perakuan di dalam ketiga-tiga penyata/akta tersebut telah memerlukan supaya Pendidikan Islam atau mata pelajaran Agama Islam hendaklah diajar di mana-mana sekolah yang didaftarkan bila mana terdapat sekurang-kurangnya 15 orang murid/pelajar beragama Islam. Hasil dari perakuan tersebut, pada peringkat awalnya matapelajaran Agama Islam telah diajar di luar jadual waktu persekolahan (di waktu petang). Sehingga tahun 1962 barulah mata pelajaran Agama Islam dimasukkan ke dalam jadual rasmi sekolah dengan peruntukan masa pengajaran dan pembelajarannya sebanyak 120 minit seminggu dan kini semakin bertambah kepada 180 minit seminggu.

Di peringkat Sekolah Rendah, antara tujuan Pendidikan Islam ialah untuk menanam asas Pendidikan Islam dan pengetahuan mengenai agama Islam supaya murid-murid menjadi seorang yang berakhlik, berdisiplin dan mengamalkan ciri-ciri hidup Islam. Oleh itu, kurikulum di peringkat sekolah rendah ini mencakupi al-Quran, Akidah, Ibadat, Akhlak dan Sirah Nabawiyah. Cuma di peringkat ini hanya inginkan pelajar dapat membaca, memahami dan menghafaz surah-surah mudah, yakin akan kewujudan dan kekuasaan Allah SWT, cintakan Rasulullah SAW dan mencontohi hidup Rasulullah serta membiasakan murid-murid melakukan ibadat sembahyang dan melakukan amalan yang berdasarkan agama Islam dan berperibadi Muslim.

Manakala di peringkat sekolah menengah, tujuannya adalah lebih kepada memupuk dan mengukuhkan didikan dan pelajaran asas-asas agama Islam supaya dapat dijadikan dasar bagi amalan murid-murid sebagai seorang Islam. Di samping itu juga, ia bertujuan menanam dan menguatkan perasaan bertuhan serta menguatkan rohani dan panduan untuk memenuhi syarat-syarat penghidupan manusia. Dari sudut pengisian kurikulum, Pendidikan Islam di

peringkat ini telah memberi tumpuan kepada empat bidang iaitu, tilawah Al-Quran (mahir membaca dan memahami ayat-ayat tertentu serta menghafaz surah-surah tertentu), Ulum Syariah (Akidah, Fiqh, *Sirah Nabawiyah/Tamadun Islam*), amali/solat (program dan latihan-latihan kerohanian) dan ko kurikulum (amalan Islam secara praktikal). Justeru itu, Pendidikan Islam di peringkat sekolah ini memerlukan pengajaran dan pembelajaran yang lebih menekan kepada amalan dan penghayatan Islam. Maka ianya memerlukan guru-guru yang memiliki kemahiran dan kebolehan yang tinggi di dalam penyampaian pengajarannya.

Pengajian Islam di peringkat tinggi pada asalnya berbentuk 'kepondokan'. Melalui sistem pondoklah, ramai lepasannya yang telah membentuk beberapa gerakan agama dan ilmiah Islam sebelum tahun 1940-an dan di awal tahun 1950-an. Hal ini terus berlaku sehingga galah pada tahun 1955 apabila Kolej Islam Malaya ditubuhkan. Pengajian Islam terus berkembang dengan penuhruhan beberapa universiti di mana mata pelajaran yang berkaitan dengan Bahasa Arab seperti Usuluddin, Syariah dan Tamadun Islam diperkenalkan dengan lebih terperinci dan mendalam seperti mana yang terdapat di Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Kolej Universiti Sultan Zainal Abidin (sekarang UNISZA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan sebagainya.

#### **4.0 Maslahah Ummah Dalam Pendidikan Islam**

Keberhasilan sesebuah pendidikan itu dilihat pada aspek sistem pelaksanaan, pengisiannya, penyampaiannya serta penilaiannya. Ini bermakna sistem pelaksanaan pengajian Islam haruslah secara berterusan dan berkesinambungan di setiap peringkat institusi pendidikan. Dari sudut pengisiannya pula, ia menyeluruh dan menyentuh semua aspek seperti akidah, fiqh, tilawah, hadis, sirah, akhlak dan tamadun/tasawwur. Manakala, penyampaian ilmu yang berkesan dilihat berdasarkan kaedah dan pendekatan yang digunakan serta kualiti keperibadian/sahsiah guru yang menyampaikannya. Akhirnya, barulah ia dinilai sama ada memberi kesan positif atau negatif kepada si penerima/pelajar. Sehubungan dengan ini, apa yang hendak dinyatakan ialah betapa pentingnya peranan pendidikan Islam dalam membentuk individu menjadi seorang manusia yang bergelar 'insan'. Ini adalah kerana segala ilmu yang didedahkan dan dibincangkan dalam ilmu-ilmu pengajian Islam ini merupakan asas serta panduan dan bimbingan ke arah pembentukan 'insan kamil'.

#### **5.0 Syariat Islam Adalah Sebuah Perlembagaan Yang Terlengkap Dan Syumul**

Hukum-hakam yang terkandung dalam syariat Islam sudah cukup untuk membatasi setiap tingkah laku manusia. Suruhan dan larangan Allah s.w.t yang dipelajari dalam bidang-bidang Fiqh dapat membentuk akhlak dan peribadi seseorang. Dengan itu setiap kemungkinan akan dapat dicegah dan setiap kebaikan akan dapat dimanfaatkan oleh seluruh masyarakat. Kepentingan pengajian akidah pula di setiap peringkat institusi pendidikan akan melahirkan insan yang mempunyai keimanan dan keyakinan terhadap Allah, malaikat, para nabi dan rasul, hari kiamat serta segala ketentuan Allah SWT.

Manakala, pendedahan pengajian akhlak pula dapat mendidik dan membentuk pelajar agar sentiasa mengamalkan didikan secara Islam. Diikuti pendedahan pengajian Sirah Nabawiyah akan memberi impak yang sangat baik kerana melaluiinya pelajar dapat mengetahui perjalanan hidup Rasulullah SAW serta setiap cabaran yang dilalui oleh baginda. Ditambah pula dengan pendedahan tentang ketamadunan Islam di mana pelajar akan dapat merasai kenikmatan dan keseronokan di dalam Islam. Akhirnya, dengan pendedahan ilmu-ilmu ini secara berterusan akan dapat dijadikan panduan dan bimbingan dalam mengharungi cabaran hidup.

Justeru itu, tidak sepatutnya ilmu-ilmu pengajian Islam ini ditolak pada salah satu peringkat institut pendidikan kerana ia akan memberikan ketidakseimbangan dari aspek sistemnya seterusnya melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan tentang Islam hanya 'setengah-setengah' atau 'ingat-ingat lupa'. Ini akan memudaratkan masyarakat kerana takut pengetahuan yang sedemikian akan disebarluaskan ke masyarakat umum. Inilah punca kepada kepelbagaiannya pendapat dan kesilapan hukum yang dikeluarkan.

## 6.0 Implikasi Penggantian MPW, Kenapa TITAS?

Pada 6 April 2012, Mesyuarat Jemaah Menteri di Jabatan Pengajian Tinggi telah memutuskan bahawa penggantian penawaran dan pelaksanaan kursus Mata Pelajaran Wajib (MPW) yang sedang ada di IPTS kepada kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU). Kursus MPW di IPTA ialah kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) serta kursus Hubungan Etnik. Manakala, kursus MPW di IPTS pula ialah kursus Pengajian Islam/ Pengajian Moral dan kursus Pengajian Malaysia dan Bahasa Kebangsaan. Pekeliling Penyelarasaran Kursus Mata Pelajaran Wajib (MPW) di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) ini berkuatkuasa mulai 1 September 2013 (Pekeliling Pengurusan Pengajian Tinggi Swasta (PPTS), Jabatan Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2013).

Penawaran dan pelaksanaan Kursus Pengajian Umum ini diselaraskan kepada semua IPTS, IPTA dan Politeknik. Kursus-kursus MPU adalah berteraskan cabang Falsafah Ilmu yang melibatkan bidang keilmuan kajian Kemanusiaan, Sains Tabii dan Sains Sosial. Penekanan yang diberikan dalam MPU ialah peningkatan pelajar dari aspek kemahiran insaniah dalam pelbagai bidang. Kursus MPU ini mencakupi empat kumpulan utama iaitu:

- i. U1: Penghayatan falsafah, nilai dan sejarah (TITAS & Hubungan Etnik bagi
- ii. Sarjana Muda dan Pengajian Malaysia bagi Diploma)
- iii. U2 : Penguasaan kemahiran insaniah
- iv. U3 : Perluasan ilmu pengetahuan di Malaysia
- v. U4 : Kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan ko-kurikulum.

Kalau diteliti secara mendalam subjek Pengajian Malaysia dan Tamadun Asia kedua-duanya telah terkandung di dalam MPU, hanya perlu dibaik pulih seperti berikut:

- a) U1 : Penghayatan falsafah, nilai dan sejarah, (ia sangat berkait rapat dengan Tamadun Asia)
- b) U2 : Penguasaan kemahiran insaniah (ia sangat berkait rapat dengan bab moral dan kemanusiaan)
- c) U3 : Perluasan ilmu pengetahuan di Malaysia
- d) U4 : Kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan ko-kurikulum.

Dengan kata lain, Tamadun Asia dibawa ke dalam pengajian Umum (MPU) manakala, Tamadun Islam dimasukkan ke dalam Pengajian Islam (MPW1143) dan bukannya dihapuskan.

Merujuk kepada perbahasan Maqasid Syariah, ilmu-ilmu Pengajian Islam ini berada pada tingkat satu keperluan yang utama iaitu *dhoruriyat* atau *daruriyyah*. Kepentingan yang berada di peringkat *dhoruriyat* ini merupakan satu asas bagi menjadikan kehidupan yang harmoni dan sejahtera sama ada di dunia maupun di akhirat. Dengan sebab itulah, pengekalan ke atas penekanan terhadap ilmu-ilmu ini wajar dipertahankan pada masa sekarang. Seharusnya kesinambungan pembelajaran ilmu-ilmu pengajian Islam dari peringkat rendah hingga ke peringkat yang lebih tinggi harus diutamakan berbanding ilmu-ilmu lain yang hanya

berbentuk satu *hajiyah* sahaja atau mungkin satu *tahsinyyat*. Tidak memadai juga pengajian berkaitan dengan ketamadunan Islam tanpa disertai dengan ilmu-ilmu Pengajian Islam.

## **7.0 Isu Pemerksaan Pengajian Islam Dan Cabarannya**

Dunia hari ini berhadapan dengan pelbagai cabaran. Isu golbalisasi dan arus kemodenan merentasi dunia tanpa sempadan. Ia boleh menembusi saringan keimanan sebagai pembawa virus akidah dan vaksin ahlak merupakan penyakit kronik melanda umat Islam masa kini. Dengan sebab itu, penekanan hanya kepada kursus MPU yang ditawarkan di IPT sekarang ini dilihat tidak mampu membendung permasalahan tersebut kerana ia hanya menjurus kepada pembangunan intelektual dan kepakaran serta kemahiran insaniah yang lebih memfokuskan kepada mementingkan harta benda, kewangan, pangkat, takhta dan gelaran yang menjadi matlamat utama dalam hidup sebagai *hajiyah* atau hanya sebagai keperluan yang bersifat kontemporari. Pada masa yang sama, penekanan utama dalam kursus Pengajian Islam yang berorientasikan keimanan melalui keperibadian pengamalan yang penuh iltizam dan intizam kepada titah perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW serta perlu menyayini bahawa Din Allah SWT adalah peraturan manusia sejagat setiap juzuknya berkaitan secara bersepudu membentuk kesatuan hakiki mencakup seluruh aspek kehidupan. Oleh itu, umat Islam wajib menyayini bahawa hanya Islam sahaja satu-satunya peraturan yang mampu menyelesaikan masalah dan maslahah ummah melalui pendekatan al-Quran, al-Sunnah serta sumber-sumber hukum syarak yang lain.

Sehubungan itu, dalam kertas kerja ini penulis ingin menyarankan agar pelaksanaan MPU di seluruh IPT terlibat perlu diteruskan kerana ia mencakupi ruang lingkup fardu kifayah untuk menjadikan masyarakat pakar dalam suatu bidang ilmu kemahiran dan kepakaran untuk kemajuan dan kemakmuran hidup. Natiyahnya, jika meninggalkan fardu kifayah, hidup nescaya dalam kemiskinan dan akan dipandang rendah oleh masyarakat lain. Sebaliknya, Pengajian Islam menekankan ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah serentak. Ini kerana hanya dengan menggabung jalin kedua-dua fardu tersebut akan dapat melahirkan individu yang seimbang. Lahirlah masyarakat yang berilmu dan beramal, bertanggungjawab serta taat kepada perintah Allah, Rasul dan para pemimpin, bermuarah, amanah dan jujur, masyarakat aman, dapat menegakkan amar makruf dan nahi mungkar, mendapat keberkatan Allah serta lahir warganegara yang berdisiplin, negara aman dan harmoni. Oleh itu, Pengajian Islam perlu dikekalkan di semua peringkat institusi pendidikan tinggi baik di IPTA maupun di IPTS.

Ini dapat dilihat dan dikaji dalam surah al-An'am ayat 38, Allah telah berpesan kepada sekian alam mafhumnya: "...bahawa di dalam pengajian dan Pendidikan Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah, terangkum segala sumber ilmu yang patut kamu terokai." Meskipun kita mengembalikan Pengajian Islam, sebagai pelajaran teras di semua peringkat pembelajaran, ia belum tentu memadai untuk menampung segala dasar pengamalan ilmu yang telah diterokai apatah lagi menghapusnya berkemungkinan kita tidak mendapat keberkatan Allah SWT di mana jiwa tidak tenang dan tenteram. Oleh itu, dengan menerapkan aktiviti pemuliharaan serta pemerksaan Pengajian Islam dalam semua bidang kurikulum dan ko-krikulum, insya-Allah segala permasalahan rohani dan jasmani akan dapat di atasi.

## **8.0 Kesimpulan**

Tamadun Asia dalam (TITAS) seharusnya digabung jalin ke dalam pengajian Umum (MPU) bagi tujuan melahirkan pembangunan insan berkemahiran dalam pelbagai bidang intelektual

yang lebih bersifat ilmu fardu kifayah yang juga harus dituntut oleh sebahagian kelompok masyarakat Islam. Manakala, Tamadun Islam dalam (TITAS) digabung ke dalam pengajian Islam (MPW1143) yang mengandungi bidang ilmu fardu ain (akidah, akhlak dan syariah) iaitu ilmu yang wajib dituntut oleh setiap individu Islam sampai ke akhir hayatnya. Dengan demikian, langkah yang sepatutnya dibuat ialah menggabung jalin fardu ain iaitu Pengajian Islam (MPW1143) dengan ilmu fardu kifayah Pengajian Umum (MPU) dan insya-Allah hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan modal insan yang seimbang dari segi nilai intelektual iaitu kekuatan jasmani (nilai spiritual) atau kecerdasan rohani dan juga nilai emosional iaitu keseimbangan dalam bertindak untuk memenuhi keperluan hidup di dunia dan akhirat akan tercapai. Dengan sebab itu, menghapuskan Pengajian Islam (MPW1143) dengan menggantikan Pengajian Umum (MPU) adalah tidak wajar. Ini selaras dengan hadis Rasulullah SAW (telah bersabda) mafhumnya: "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, selagi mana kamu berpegang teguh kepada kedua-duanya, selama-lamanya kamu tidak akan sesat iaitu kitabullah dan sunnahku". Gagasan Rasulullah ini, hanya akan tercapai sekiranya Pengajian Islam dan juga Pengajian Umum dalam semua peringkat pengajian dan pendidikan terus diperkasa di sepanjang zaman.

#### Rujukan

- Abd. Halim El Muhammady (1991). *Pendidikan Islam, Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidikan*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.
- Abdul Rashid Ahmad (1996). *Pendidikan Akhlak Menurut Wasiat Luqman*. Subang Jaya: Penerbitan al-Ramadhan
- Ahmad Mohd Salleh (2008). *Pengajian Agama Islam & j-QAF: Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ghazali Darusalam (2004). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Haron Din, & Sobri Salomon (1987). *Masalah pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah
- Hazri Jamil, & Khairuddin Saeran (2004). *Pendidikan Sepanjang Hayat: Perspektif Islam Dan Barat. Jurnal Pendidikan Islam*, 10(4).
- Mahayudin Hj. Yahaya (2001). *Tamadun Islam*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Kamal Hassan (1988). *Pendidikan dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Muhammad Jamaludin Al-Qasimi Ad-Dimasqi , terj. Panel Penterjemah, disemak oleh Abu Hasan Din (2006). *Intipati Ihya' Ulumuddin Imam Al-Ghazali*. Kuala Lumpur Darul Fajar.
- Tajul Ariffin Noordin (1993). *Perspektif Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.